

**UCAPAN OLEH
YBHG. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)
DI MAJLIS PERARAKAN BERJUBAH GRADUAN UMS PADA KHAMIS, 6 SEPT.
2010; DI PERKARANGAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK);
JAM 9.00 PAGI**

Terima kasih Sdr/i Pengerusi Majlis

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM ..

YBHG DATUK ILIYAS IBRAHIM, MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

AHLI-AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PARA GRADUAN

**DIF-DIF JEMPUTAN, DATUK-DATUK/DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-
PUAN YANG DIKASIHI SEKALIAN**

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA

1. Walaupun dipenghujungnya, namun kita masih lagi berada dalam bulan Syawal, maka pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari raya Aidil Fitri serta Maaf Zahir Batin kepada semua hadirin sekalian, dengan doa semoga Allah SWT terus memberkati kita dengan kesejahteraan dan limpahan kemakmuran.

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan sekalian,

2. Pertama-tamanya, dengan penuh tawadhuk saya panjatkan setinggi-tinggi pujian dan lafaz syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya jua, maka dapat kita bersama pada pagi ini dalam Majlis Perarakan Berjubah Graduan Universiti Malaysia Sabah di tengah-tengah Bandaraya Kota

Kinabalu – iaitu satu lagi majlis yang memartabatkan peranan perpaduan dan pendidikan demi kesejahteraan negara, bangsa dan generasi kita.

Seperti yang sedia maklum, majlis kita ini merupakan kali yang ke-4 diadakan semenjak kali pertamanya didakan pada tahun 2007. Majlis ini akan berkesinambungan setiap tahun dengan tujuannya bagi merapatkan hubungan antara warga bandar (atau *town*) dan juga warga universiti yang sinonim dengan perkataan berjubah (atau *gown*). Sebab itulah Majlis seumpama ini juga sering dikenali sebagai '*Town & Gown*'. Sukalah saya mengulangi bahawa di negara kita Malaysia, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Universiti Malaysia Sabah telah mencatat sejarah sebagai pihak yang pertama kalinya mengadakan Perarakan Berjubah Graduan seumpama ini! Syabas! Bagi pihak Universiti Malaysia Sabah, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak YBhg. Datuk Mayor Bandaraya atas kesudian menerima kami, khasnya para Graduan Universiti Malaysia Sabah, berada di Kota Kinabalu - bandaraya yang bersih, nyaman dan indah ini.

3. Sememangnya, Majlis Perarakan Berjubah Graduan ini merupakan acara tahunan kini yang terus diadakan setiap kali menjelang Majlis Konvokesyen. Ia sebagai simbol penerimaan pihak bandaraya terhadap populasi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam khasnya UMS, yang kampus induknya bertunjang di bumi negeri Sabah, iaitu di Bandaraya Kota Kinabalu. Selain itu, ianya juga menambah satu lagi suasana kemeriahan bagi Bandaraya Kota Kinabalu mengiringi usaha-usaha kita mengindahkan lagi Bandaraya tercinta ini yang merupakan destinasi popular di Malaysia bagi kalangan para pelancong baik dari dalam mahupun luar negara. Ianya menjadi lebih manis lagi apabila Majlis Perarakan Berjubah Graduan ini memaparkan citra akademia dan intelektual, yang diharap dapat menguja serta memekarkan perasaan dan dorongan ingin maju dalam kalangan orang ramai. Ini mampu memperkaya pengisian dan manifestasi untuk mencapai kejayaan serta mengukuhkan perpaduan ke arah lonjakan kecemerlangan dan pencapaian yang tinggi dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Ia dilihat amat bertepatan kerana bukan sahaja mendokong gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abd Razak,

malah ia turut selari dengan tema Sambutan Hari kemerdekaan ke-53 dan Sambutan Hari Malaysia pada tahun ini iaitu '1Malaysia Menjana Transformasi'. Tidak lupa saya serta seluruh warga UMS, mengucapkan setinggi tahniah atas satu lagi Catatan Sejarah Penting negara iaitu Sambutan Hari Malaysia yang julung kalinya diadakan telah dilangsungkan di Bandaraya Kota Kinabalu yang kita banggakan ini. Tahniah! Sesungguhnya, semua acara yang diadakan di Bandaraya Kota Kinabalu ini, merupakan satu penghormatan kepada pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu atas kecemerlangan tadbir urus prasarananya di bawah YBhg Datuk Mayor.

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan/Hadirin-hadirat sekalian,

4. Mengimbau apa yang pernah kita sebutkan sebelum ini, di kebanyakan universiti-universiti terkemuka di negara-negara Barat dan di Jepun misalnya, perarakan *Town & Gown*, yakni serombongan ahli-ahli akademik dan wakil pelajar memakai jubah universiti dan berarak di bandaraya akan disambut oleh Mayor bandaraya. Seterusnya Mayor bandaraya akan menyerahkan kunci kepada setiap wakil pelajar. Ianya merupakan acara untuk menyemai semangat kekitaan, kerjasama dan persahabatan antara masyarakat universiti khususnya mahasiswa atau graduan dengan pihak berkuasa bandaraya. Gabungan sinergistik kedua-duanya boleh dirangkumkan sebagai 'Kota Ilmu'. Dalam rangka inilah, pada tahun 2007 - **Kerjasama, Kolaborasi dan Komunikasi** telah dipilih sebagai tema, sementara pada 2008, tema majlis ini adalah **Kota Ilmu Penjana Warga Cemerlang**. Seterusnya pada tahun 2009, tema yang dipilih **Kota Ilmu Pendokong 1Malaysia**. Manakala tahun 2010 ini, dimensinya diperkembangkan lagi dengan pemilihan ungkapan **Ilmu Tonggak Transformasi Masyarakat** sebagai tema. Saya kira ini sangat bertepatan dengan peranan penting kedua-dua institusi - DBKK dan UMS, sebagai tonggak wawasan yang menjurus kepada kemajuan kesemua lapisan masyarakat yang berbilang bangsa dengan semangat kekitaan yang jitu dibawah bumbung 1 Malaysia, pemantapan modal insan dan seluruh warga Malaysia di tengah-tengah kancah kehidupan sejagat; juga selari dengan pengiktirafan kepentingan peranan arus teknologi untuk difungsikan bagi

merubah atau mentransformasi masyarakat dan negara kearah matlamat murni sebagai sebuah negara maju.

Selaras dengan ini, sukalah saya menyatakan bahawa di UMS juga kita menghormati peripentingnya perpaduan kaum. Sebagai manifestasinya, *tagline* **1Malaysia, 1UMS Kampus Ceria** terus diwar-war dan dipancarkan dari kampus kami – yang tak pernah sepi dari kelangsungan pelbagai acara khususnya yang memartabatkan budaya, seni dan warisan bangsa. Ini disulami dengan kejayaan demi kejayaan yang kita perolehi dalam pelbagai pengelibatan berteraskan teknologi, rekacipta dan inovasi. Malahan, pelbagai usaha dan inisiatif telah, sedang rancak dan akan terus UMS laksanakan demi menyokong dasar dan kempen seperti Kampus Tanpa Sampah, Jenayah Sifar dan sebagainya. Silakanlah hadir ke kampus kami yang bersih, ceria dan anggun, yang sering dikatakan sebagai 'kampus tercantik' di Malaysia! Berkunjunglah ke Tamu Gadang kami yang sedang berjalan sekarang.

5. Pada kesempatan, saya juga berbesar hati untuk memaklumkan bahawa rombongan perarakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada kali ini, disertai oleh 65 graduan atau wakil bagi setiap program pengajian yang ditawarkan di UMS, sebagai melambangkan kepelbagaian disiplin pengkhususan dan bidang intelek yang boleh diceburi. Kegagahan ini diserlahkan lagi dengan iringan oleh 150 anggota PALAPES, SUKSIS, PALAPES UDARA UMS dengan iringan oleh Kumpulan Pancaragam Polis DiRaja Malaysia.

Sukacita juga saya menyatakan bahawa, satu lagi rentetan sejarah tercatat di UMS kerana pada Konvokesyen kali ini, sebuah lagi sekolahnya berjaya melahirkan kumpulan pertama atau kohot sulung graduannya iaitu Sekolah Pertanian Lestari! (Minta Dekannya berdiri). Sudah tentulah, ini akan menjadi petunjuk kepada keupayaan UMS dengan sokongan oleh ruang lingkung Bandaraya Kota Kinabalu yang kondusif - dalam membekalkan modal insan yang terlatih serta berilmu kepada masyarakat; yang akan menyumbang dalam membangunkan sektor berkenaan pada negara selari dengan ungkapan "Pertanian adalah Peniagaan"!

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan/Hadirin-hadirat sekalian,

6. Mengimbau sejenak sorotan sejarah, hasrat untuk membangunkan sebuah universiti di negeri Sabah ini terlaksana pada 24 November 1994, apabila Parlimen meluluskan penubuhan Universiti Malaysia Sabah. Pada mulanya hanya tiga **(3)** buah sekolah ditubuhkan iaitu Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, dan Sekolah Sains Sosial, bersama satu entiti pengajian yang dinamakan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Ketika sesi akademik yang pertama dimulakan pada pertengahan tahun 1995, terdapat seramai 205 orang mahasiswa yang berdaftar. Bilangan tenaga pengajarnya seramai 24 orang dan pentadbiran diuruskan oleh 13 orang pegawai yang dibantu oleh 26 orang kakitangan sokongan. Tetapi, perkembangan dan pembangunan telah dicapai dengan pesatnya. Pada hari ini, sebanyak 13 buah Sekolah dengan jurusan dan pengkhususan masing-masing, selain dari tiga **(3)** yang telah disebutkan tadi, sekolah-sekolah ini adalah terdiri daripada

1. Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat
2. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
3. Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial
4. Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan
5. Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa
6. Sekolah Pengajian Seni
7. Sekolah Perubatan
8. Sekolah Pertanian Lestari
9. Sekolah Sains Informatik di Kampus Antarabangsa Labuan, dan
10. Sekolah Peniagaan Antarabangsa, Kampus Antarabangsa Labuan

Mengiringi sekolah-sekolah adalah 3 buah Institut-Institut Penyelidikan yang dikenali sebagai:

- Institut Penyelidikan Biologi Tropika dan Pemuliharaan,
- Institut Penyelidikan Marin Borneo, dan

- Institut Penyelidikan Bioteknologi,
serta 7 buah pusat-pusat kajian lain juga telah ditubuhkan.

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan sekalian,

7. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih, kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan Majlis ini khususnya kepada barisan Jawatankuasa Bersama Universiti Malaysia Sabah dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu – dibawah Pengerusi-pengerusi bersamanya iaitu Prof. Madya Dr Mahmud Hj Sudin dan En Bahari Hj Hassan ; lebih-lebih lagi kepada YBhg Datuk Mayor Bandaraya Kota Kinabalu sendiri atas kesudian menerima warga UMS. Tidak lupa setinggi tahniah kepada semua graduan UMS. Saya mengharapkan para graduan nanti terus menyayangi dan tidak sekali-kali melupakan, malah akan kembali ke Bandaraya Kota Kinabalu – untuk menyingkap tirai memori dan dapat bersama menyumbang ke arah pembangunannya sekaligus merealisasikan matlamat menjadikan UMS untuk terus cemerlang dan inovatif. Sekali lagi, semoga jalinan kerjasama padu seumpama ini akan berterusan di masa akan datang demi pembentukan warga Modal Insan dan kecemerlangan negara kita.

Sekian, WABILLAHITAUFIK WAL-HIDAYAH. Wassalamualaikum WBK & Terima kasih.